

Kerajaan arah Kementerian Pembangunan Negara

Wujud industri kecil guna bahan tempatan

17 MAR 1985

TELUK INTAN, Sabtu — Kerajaan mengarahkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya mewujudkan industri kecil di luar bandar di seluruh negara dengan menggunakan bahan-bahan mentah tempatan untuk membantu ekonomi Bumiputera, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan, pengwujudan industri-industri kecil di luar bandar akan membantu mereka mempelbagaikan kegiatan ekonomi selaras dengan mullamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Perdana Menteri mensifatkan pengwujudan industri-industri itu salah satu usaha kerajaan membantu penduduk luar bandar mencapai keadaan hidup yang lebih sempurna dan terjamin.

Beliau menyatakan demikian di perasmian Koperasi Serbaguna Blok A dan C Kampung Bukit Chawi Berhad, Seberang Perak di sini hari ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ramli Ngah Talib dan isteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Seri Sanusi Junid dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Megat Junid Megat Ayob hadir sama.

Ketibaan beliau disambut oleh kira-kira 6,000 penduduk.

Perdana Menteri sebelum itu dibawa melawat ke kawasan estet padi seluas kira-kira 1,113 hektar, di situ.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, industri-industri kecil adalah perlu diwujudkan kerana ia tidak memerlukan modal yang besar, tidak menggunakan tenaga mahir dan juga tidak membabitkan jentera-jentera moden.

Beliau menegaskan, para penduduk luar bandar seharusnya menerima rancangan-rancangan kerajaan sebagai satu cabaran kerana kegagalan menunaikannya akan membawa kerugian yang amat besar kepada mereka.

"Penyertaan dan kerjasama daripada penduduk luar bandar terhadap rancangan-rancangan kerajaan adalah perlu. Ia bukan sahaja membantu kerajaan meningkatkan ekonomi negara tetapi dapat mengukuhkan sumber pendapatan mereka," tegas beliau.

Perdana Menteri juga mencadangkan supaya para petani mengusahakan sawah padi mereka secara

estet atau berkelompok supaya memudahkan penyaluran bantuan kerajaan.

Katanya, pengusaha sawah padi secara perseorangan akan merugikan kerajaan kerana berdasarkan satu kajian baru-baru ini setiap \$1 hasil jualan padi mereka, kerajaan terpaksa memberikan subsidi sebanyak 50 sen.

"Jumlah subsidi ini akan bertambah jika lebih ramai mereka yang mengusahakan sawah padi secara perseorangan. Tanaman secara estet dan bersepadu lebih menguntungkan terutama penggunaan jentera-jentera menuai, jumlah hasil padi dan juga gunatena-nya," jelasnya.

Beliau berkata, untuk mengatasi bebanan tanggungan ini, kerajaan berupaya untuk mengimport beras dari negara-negara jiran yang lebih murah dan bermutu tetapi tidak mahu berlakunya pertukaran wang asing dengan banyaknya.